

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk memenuhi keperluan psychosocial dan “mental health” mereka yang terkesan daripada PKP/PKPB termasuk pelan Kerajaan untuk menambah peruntukan untuk menangani “silent mental health pandemic” akibat pandemik ini. Adakah program khusus akan diperkenalkan kepada mereka yang memerlukannya termasuk untuk barisan hadapan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah kesihatan mental akibat daripada situasi pandemik ini. Perancangan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. KKM telah menyediakan talian sokongan psikososial dan perkhidmatan konsultasi secara virtual serta menggunakan aplikasi digital dan media sosial sedia ada untuk mempromosikan kesihatan mental, kemahiran daya tindak (*coping skills*), daya ketahanan dan pencegahan kecederaan (termasuk pencegahan tingkahlaku bunuh diri) dan penyalahgunaan substans kepada kumpulan sasar;

SOALAN NO : 47

- ii. Meningkatkan kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan dan Penyalahgunaan Substans dan Alkohol melalui sistem digital dan teknologi terkini secara kolaborasi pintar bersama agensi kerajaan lain dan NGO seperti *virtual consultation* dan *tele-consultation*;
- iii. Meningkatkan kapasiti sumber manusia dari segi liputan kaunselor di peringkat komuniti;
- iv. Menyediakan latihan kepada pemberi khidmat kesihatan, kaunselor agensi, *NGO dan juga caregiver*;
- v. Agenda kesihatan mental di dalam Jawatankuasa Kabinet bagi Persekitaran Hidup Sihat (JKPHS); dan
- vi. Memperkukuhkan sistem surveilan kesihatan mental iaitu membangunkan sistem registri bagi kes bunuh diri dan kecederaan fatal dan sistem registri penyakit mental peringkat kebangsaan.

2. Kementerian Kesihatan juga telah memohon peruntukan sebanyak RM26.4 juta kepada Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan pelan tindakan kesihatan mental pada tahun 2021.

3. Kementerian Kesihatan telah mewujudkan program khusus iaitu Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS (*Mental Health Psychosocial Support Services*) bagi memberi perkhidmatan sokongan emosi kepada masyarakat yang terkesan dengan situasi krisis, bencana dan juga wabak. Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh pelbagai kategori anggota kesihatan yang terdiri pakar perubatan, pegawai perubatan, pegawai psikologi dan paramedik yang membentuk pasukan MHPSS di peringkat hospital, daerah, negeri dan juga kebangsaan.

4. Pasukan ini telah diaktifkan serta merta semenjak berlakunya pandemik COVID-19. Perkhidmatan ini merangkumi bukan sahaja kepada masyarakat malah juga kepada semua anggota kesihatan termasuk petugas barisan hadapan yang lain. Modus operandi bagi perkhidmatan ini adalah

melalui talian '*helpline*' bagi membolehkan masyarakat mendapatkan telekaunseling, komunikasi maya secara aktif kepada pesakit COVID-19, pesakit bawah siasatan (PUI) dan juga pesakit dalam pemantauan (PUS) serta bantuan awal psikososial kepada mereka yang terkesan akibat pandemik ini.

5. Khusus bagi petugas barisan hadapan, sesi taklimat *pre and post deployment* diberikan kepada setiap pasukan yang menjalankan misi bantuan. Mereka juga boleh mendapatkan bantuan sokongan psikososial melalui talian MHPSS sepanjang perkhidmatan mereka. Saringan sendiri kesihatan mental dilaksanakan bagi mengenalpasti tanda-tanda awal risiko tekanan emosi. Bagi mereka yang dikesan mengalami masalah kesihatan mental akan dirujuk kepada Pakar atau pegawai psikologi bagi rawatan dan intervensi. Selain itu, bahan-bahan psikopendidikan disediakan dan boleh dicapai secara dalam talian menggunakan QR code dan aplikasi media sosial seperti *Whatsapp* dan *Telegram*.

6. Bagi pelaksanaan perkhidmatan ini, KKM telah bekerjasama dengan pihak Kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) serta NGO seperti MERCY, *Women's Aid Organization* dan *Mental Illness Awareness and Support Association (MIASA)* dalam menangani isu-isu gangguan emosi dan psikososial, gangguan seksual, masalah hubungan, penderaan dan keganasan rumah tangga. Sekian, terima kasih.